

Ciptaan sains dan teknologi moden lebih banyak mendatangkan kebaikan. Bincangkan.

Pilih jawapan yang telah diberikan.

- lebih selamat
- lebih cepat dan menjimatkan masa.
- lebih sistematik, kemas dan menjimatkan masa.
- lebih menarik.

pengajaran / menghantar / mengesan / menyimpan / mendatangkan / kenderaan

Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi begitu cepat dan pantas. Banyak ciptaan baharu dihasilkan untuk kemudahan orang ramai.

Dalam bidang **pengangkutan**, banyak 1. _____ dihasilkan. Contohnya, kereta api dapat membawa penumpang ke sesuatu destinasi dengan 2. _____.

Selain itu, dalam bidang **teknologi maklumat**, komputer telah digunakan untuk 3. _____ maklumat dan 4. _____ e-mel melalui Internet. Komputer dapat bekerja dengan 5. _____.

Dalam bidang **pendidikan** pula, penggunaan komputer dalam 6. _____ telah dapat menarik minat para pelajar untuk mengikuti sesuatu pelajaran. Secara tidak langsung, pembelajaran di dalam kelas menjadi 7. _____.

Dalam bidang **perubatan**, mikroskop dan sinar-X dapat 8. _____ penyakit pada peringkat awal. Ciptaan-ciptaan ini dapat membantu pakar-pakar perubatan menjalankan pembedahan dengan 9. _____.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa ciptaan sains dan teknologi moden sememangnya banyak 10. _____ kebaikan kepada kita. Oleh itu, kita haruslah memanfaatkan ciptaan ini untuk kehidupan yang lebih selesa.

Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com